

### Keluarga Adib zahir kesyukuran

Oleh SITI ROHAIZAH ZAINAL  
pengarang@utusan.com.my

■ SHAH ALAM 27 OGOS

**K**ELUARGA Muhammad Adib Mohd. Kassim bersyukur apabila Mahkamah Koroner membenarkan permohonan perintah komital (menghina mahkamah) yang dipohon keluarga anggota bomba itu terhadap Peguam Negara, Tommy Thomas kerana menghina mahkamah berkaitan prosiding inkues bagi mencari punca kematian adiknya.

Abang sulungnya, Mohd. Asraf, 31, berkata, pihaknya yakin dan percaya mahkamah akan bertindak adil dalam menegakkan undang-undang.

"Selebihnya pihak keluarga menyerahkan kepada Allah SWT," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Terdahulu, Mahkamah Koroner memberikan kebenaran untuk memulakan prosiding komital terhadap Tommy berhubung campur tangannya dalam inkues kematian Muhammad Adib yang maut akibat rusuhan Kuil



HANIF KATRI ABDULLA (tengah) mewakili keluarga Muhammad Adib Mohd. Kassim menjawab pertanyaan pemberita di Mahkamah Koroner, Shah Alam, semalam. - UTUSAN/MOHD. SHAHARANI SAIBI

Sri Maha Mariamman, USJ 25, Subang Jaya pada 27 November tahun lalu.

Koroner Rofiah Mohamad membuat keputusan itu selepas membenarkan permohonan *ex-parte* (sebelah pihak) yang difailkan oleh bapa Muhammad Adib,

Mohd. Kassim Abdul Hamid. Jelas Rofiah, pihaknya berpuas hati dengan hujahan kedua-dua pihak dan setelah meneliti affidavit mendapati wujud prima facie dalam satu tindakan dilakukan Tommy yang menjurus kepada penghinaan

mahkamah.

Sementara itu, mewakili keluarga Muhammad Adib, peguam Mohd. Hanif Katri Abdulla memaklumkan permohonan komital yang dikemukakan keluarga anggota bomba itu bukanlah dengan niat untuk mengenakan tindakan kepada Peguam Negara sebaliknya menuntut keadilan kematian Muhammad Adib.

"Keluarga arwah cuma mahu Peguam Negara meminta maaf kepada mahkamah dan keluarga mangsa agar tidak mengulangi kesilapan yang sama," katanya.

Pada 16 Julai lalu, Mohd. Kassim, 65, memfailkan permohonan perintah komital terhadap Tommy kerana menghina mahkamah berkaitan proses inkuri kematian anaknya melalui Tetuan Mohd. Zubir Embong & Associate di Pejabat Pendaftar Mahkamah Koroner.

Muhammad Adib, 24, parah dalam rusuhan Kuil Sri Maha Mariamman, USJ 25, Subang Jaya pada 27 November tahun lalu dan meninggal dunia pada 17 Disember di Institut Jantung Negara selepas 21 hari dirawat.